

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YB TUAN LIEW CHIN TONG**

KAWASAN : **KLUANG**

TARIKH : **9.6.2014 (ISNIN)**

NO. SOALAN : **147**

YB TUAN LIEW CHIN TONG minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah pelaburan sedia ada dan berpotensi yang telah hilang dari Malaysia, terutamanya di Kluang, akibat ketidakcukupan bekalan air.

Jawapan

Tuan Yang DiPertua

Musim kemarau yang melanda di beberapa negara termasuk Malaysia baru-baru ini sememangnya memberi impak besar kepada industri dan penduduk khususnya di Lembah Klang dan Selangor. Ketiadaan hujan ekoran musim kemarau yang dialami beberapa bulan menyebabkan paras air empangan di seluruh Semenanjung menyusut, sekali gus menjejaskan bekalan air negara.

Bagi daerah Kluang di Johor dan kawasan sekitarnya seperti Kulaijaya, Kota Tinggi dan Mersing, pengagihan air secara berjadual juga dijalankan pada bulan Februari 2014 ekoran kekurangan keupayaan Loji Rawatan Air (LRA) akibat musim kemarau. Antara kawasan perindustrian di daerah Kluang yang terlibat dalam program pengagihan air berjadual ini adalah Kawasan Perindustrian Mengkibol 1 dan 2 dan Kawasan Perindustrian Jalan Mersing. Oleh kerana syarikat telah diberikan notis lebih awal mengenai masalah kekurangan air ini, maka syarikat pengilangan telah mengambil langkah berjaga-jaga dengan menyediakan simpanan air yang mencukupi bagi operasi pengilangan mereka.

Di samping itu, Kerajaan juga telah mengambil langkah-langkah bagi menangani krisis kekurangan bekalan air, antaranya:

- (a) Syarikat-syarikat pengilangan dikehendaki mematuhi Garis Panduan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) mengenai keperluan penyediaan simpanan bekalan air untuk tempoh sekurang-kurangnya 48 jam;
- (b) Meneruskan usaha pembenihan awan bagi menghadapi cuaca panas dan kering dari bulan Jun hingga September 2014 akibat fenomena El-Nino; dan
- (c) Syarikat dinasihatkan untuk membuat pelaburan tambahan untuk mesin dan peralatan bagi menjalankan proses kitar semula dan penjimatan air. Syarikat juga boleh menggunakan sumber alternatif seperti menggunakan sumber air bawah tanah.

Bagi tempoh Januari hingga Mac 2014, MIDA telah meluluskan sebanyak 37 buah projek pengilangan bagi keseluruhan negeri Johor dengan jumlah pelaburan sebanyak RM1.3 bilion. Daerah Kluang secara khususnya mencatatkan satu projek baharu dengan jumlah pelaburan melebihi RM3.9 juta.

Setakat ini, tiada laporan mengenai penutupan/pemindahan syarikat pengilangan di Malaysia secara amnya dan khususnya di Kluang diterima akibat krisis kekurangan air ini. Di samping itu juga, Kerajaan akan terus komited bagi memastikan pelaburan sedia ada dan yang berpotensi dari dalam atau luar negara tidak terjejas dengan krisis kekurangan air ini.